



Headline	Misi UniKL Cycling		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 May 2013	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	324,097
Page No	81	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	353 cm <sup>2</sup>
Journalist	Azlan Muhammad Zain	AdValue	RM 13,037
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,111



# Misi UniKL Cycling

## ■ Peluang julang nama IPT dalam kelompok 20 terbaik

Oleh Azlan Muhammad Zain

Sedar nama universiti menjadi taruhan, barisan pelumba UniKL Cycling Community menjanjikan aksi terbaik apabila tampil bersaing dalam sirkit pertama Harian Metro Mountain Bike Grand Prix Cuti-Cuti 1Malaysia 2013 di Putrajaya, bulan depan.

Menurut wakil UniKL Cycling Community, Muhammad Izzuddin Ahmad Helmi, kejohanan itu peluang terbaik untuk menaikkan lagi nama institusi pengajian mereka kerana wakil universiti lain turut mengambil bahagian.

"Saya difahamkan ada universiti lain turut mengambil bahagian, jadi secara tidak langsung kami mahu memastikan UniKL mena-

matkan saingan di kedudukan terbaik. Kami menyasarkan menamatkan saingan dalam kelompok 20 pelumba terbaik walaupun sedar saingan dijangka sengit apabila turut membabitkan peserta luar negara," katanya.

Walaupun tanpa kehadiran pelumba ternama seperti pasukan lain, Izzuddin optimis ia tidak akan memberikan masalah kepada mereka kerana yakin pengalaman menyertai sejumlah kejohanan tempatan beberapa tahun sebelum ini mampu mematangkan mereka.

"Kampelajar di UniKL namun kami sememangnya aktif dalam menyertai pelbagai kejohanan. Malah untuk saingan di Putrajaya

nanti, kami mampu menjalani latihan penuh untuk beberapa minggu kerana semester sudah tamat," katanya.

Pasukan itu bakal menyertai saingan kategori elit dengan laluan mencabar kemahiran disediakan pihak penganjur dalam saingan yang turut membabitkan peserta dari Asia Tenggara.

Saingan Harian Metro Mountain Bike Grand Prix Cuti-Cuti 1Malaysia 2013 di anjurkan dengan kerjasama Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (Tourism Malaysia) yang turut mendapat pengiktirafan Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM), membabitkan lima sirkit

menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM220,000 selain cabutan bertuah.

Menyasarkan kira-kira 3,500 peserta, saingan di Putrajaya akan membabitkan tiga kategori utama perlumbaan iaitu elit, Terbuka Metro (Jamboree) selain demonstrasi dan pameran membabitkan beberapa aktiviti menarik untuk seisi keluarga dengan tarikh akhir penyertaan adalah Rabu depan.

Maklumat lanjut mengenai syarat pertandingan, kategori dan penginapan, layari laman <http://mtbgp.hmetro.com.my> atau hubungi Nor Azam Aziz (019-3245808) dan AJK Riadz Radzi (019-6434049).



IZZUDDIN (dua dari kiri) menyerahkan borang penyertaan Harian Metro Mountain Bike kepada Timbalan Pengarah Kumpulan Abdul Ghafar Ismail disaksikan Amirul Arif Mat Zahir (kiri) dan Ahmad Syahmi Shahfudin di Balai Berita, semalam.

FOTO: HALIM SALLEH